

# PERANAN BAHASA MELAYU KOLOKIAL DALAM MENGIMBANGI KESAN BILINGUALISME DI SINGAPURA

*(The Role of Colloquial Malay in Balancing the Impact of  
Bilingualism in Singapore)*

Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz  
pitchay@gmail.com

Majlis Bahasa Melayu Singapura

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Jun 2019

Sila rujuk: Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. (2019). Peranan bahasa Melayu kolokial dalam mengimbangi kesan bilingualisme di Singapura. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 1-16.

## **Abstrak**

Kajian ini memantau penggunaan bahasa dalam kalangan penutur Melayu di Singapura dengan tujuan mengenal pasti peranan bahasa-bahasa yang lahir daripada pragmatik berbahasa di Singapura dalam suasana dwibahasa. Data dikumpulkan secara kualitatif melalui temu bual yang dilakukan terhadap 1155 responden belia Melayu. Perbualan dirakamkan dan ditranskripsikan dengan menggunakan pendekatan transkripsi fonemik, iaitu mencatatkan perbualan secara verbatim dengan menggunakan ortografi standard, serta mencatatkan juga ciri-ciri paralinguistik secara berasingan. Data dianalisis dengan menggunakan rangka kerja penggunaan bahasa. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu di Singapura umumnya ialah poliglosia dan diglosia. Kajian ini juga mendapati bahawa bilingualisme dapat diimbangi dengan kehadiran empat jenis bahasa kolokial yang membantu mengeratkan hubungan masyarakat Melayu serta memelihara budaya dan citra bangsa.

Kata kunci: bilingualisme, penggunaan bahasa, akomodasi bahasa, bahasa kolokial, domain, diglosia, keberdayaan bahasa

## **Abstract**

*The research monitors the use of languages among the Malays in Singapore. It aims to identify the role of languages in their pragmatic*

*use in a bilingual environment. Qualitative data were collected through interviews and analysed based on the language use framework. The data were recorded and transcribed using the phonemic transcription technique. Conversations from the interviews were recorded verbatim using standard orthography. Paralinguistic features were also observed and recorded. The research found that the use of Malay in Singapore is polyglossic and diglossic. It also found that the presence of four types of colloquial Malay helps to stabilize the impact of bilingualism in Singapore. The existence of such language variation helps to bring the Malays closer as a community and helps them to preserve their culture and ethnicity.*

*Keywords: bilingualism, language use, language accommodation, colloquial language, domain, diglossia, language vitality*

## **PENDAHULUAN**

Masyarakat Melayu Singapura semakin kukuh dari segi kemampuan dwibahasanya. Tinjauan oleh Kementerian Pendidikan Singapura terhadap ibu bapa kepada para pelajar baharu darjah 1 mendapati peratusan keluarga yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda semakin meningkat. Menteri Pendidikan Singapura, Ong Ye Kung (2018) menekankan bahawa lonjakan peratusan ini walaupun sedikit namun tetap signifikan.

Perkembangan ini memberikan dua impak yang saling bercanggah. Pertama, dari segi kemampuan bertutur dalam kedua-dua bahasa merupakan satu pencapaian yang baik kerana masing-masing bahasa ada peranan dan keperluannya. Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama di Singapura diperlukan dalam semua urusan rasmi, persekolahan, pekerjaan, pemerintahan, dan hubungan sesama rakyat. Bahasa Melayu pula diperlukan untuk tujuan mengukuhkan bahasa dan budaya dalam konteks hubungan keluarga dan masyarakatnya. Dalam pada itu timbul kebimbangan bahawa masyarakat Melayu khususnya generasi muda atau belia akan lebih fasih berbahasa Inggeris sehingga menjejaskan kemampuan berbahasa Melayu atau tidak lagi menggunakan bahasa ibunda mereka. Perkembangan terkini dari segi demografi pendatang asing yang semakin bertambah secara tidak langsung meningkatkan lagi penggunaan bahasa Inggeris. Ledakan teknologi media sosial pula menggalakkan lagi penggunaan bahasa Inggeris serta trend sosiolinguistik dan ekonomi terkini membawa kepada kepentingan bahasa Inggeris dan Mandarin. Penggunaan meluas

bahasa Inggeris dalam sektor agama khususnya dalam pengajaran agama di masjid-masjid dan khutbah mingguan menimbulkan persoalan sama ada masyarakat Melayu khususnya para belia masih mampu mengimbangi penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan berkesan. Maka kajian terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur Melayu perlu dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang situasi bahasa Melayu dalam kalangan penuturnya, khususnya golongan belia yang terdedah kepada perkembangan semasa. Dapatan daripada kajian ini juga memberikan gambaran tentang keberdayaan atau vitaliti bahasa Melayu di Singapura memandangkan golongan belia pembawa obor bahasa pada masa hadapan.

## **KONSTRUKSI PENGGUNAAN BAHASA**

Konstruksi penggunaan bahasa merupakan kumpulan konsep dan teori penggunaan bahasa yang memberikan interpretasi terhadap unsur-unsur yang merangsang dan mempengaruhi situasi bahasa dan penuturnya. Kajian ini melibatkan unsur bahasa dan struktur sosial, bahasa dan ketentuan perlakuan, bahasa dan akomodasi, domain penggunaan bahasa, dan kedudukan bahasa atau diglosia. Penggunaan bahasa amat berkait rapat dengan keberdayaan bahasa kerana tahap penggunaan akan menentukan situasi bahasa sama ada berada dalam keadaan pengekalan, peralihan ataupun memerlukan pencergasan.

Kajian Veltman (1991) mendapati bahasa yang dituturkan oleh orang dewasa dengan temannya di luar rumah adalah sama dengan yang dituturkan di dalam rumah dan sebaliknya. Lazimnya, bahasa tersebut ialah bahasa kolokial yakni yang tidak rasmi, dan tentunya lebih mesra memandangkan bahasa ini dituturkan bersama-sama dengan orang yang berada dalam lingkungan sosial yang sama. Hal ini bermakna, bahasa sosialisasi adalah sama, sama ada di luar atau di dalam rumah, dan selesa digunakan oleh penutur. Keadaan ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi bahasa kolokial yang digunakan. Perkara ini ditekankan oleh Fishman (1972) yang menjelaskan adanya hubungan bahasa yang digunakan antara masyarakat dan individu, dan cara masyarakat mempengaruhi penggunaan bahasa individu, yang juga mewakili sesebuah masyarakat. Maknanya, struktur sosial sesebuah masyarakat itu mempengaruhi bahasa, dan jenis bahasa yang dipilih serta bahasa yang digunakan.

Hubungan individu dan masyarakat juga mempengaruhi keperluan penuturnya. Herman (1961) mendapati bahawa terdapat dua unsur yang

menentukan perlakuan penutur dalam penggunaan bahasa, yaitu fasih dalam bahasa yang selesa digunakan dan tekanan kumpulan. Bahasa yang dapat memenuhi keperluan kedua-dua unsur tersebut akan menjadi lebih dominan. Bahasa yang dianggap dominan itu pula mampu memenuhi tiga keperluan penutur, iaitu keperluan peribadi, situasi terkini, dan situasi latar komunikasi. Keperluan peribadi merujuk kefasihan berbahasa, tahap keterikatan emosi kepada bahasa, dan kadar keinginan untuk menggunakan bahasa tersebut. Keperluan situasi terkini merupakan keperluan untuk memenuhi komunikasi secara bersemuka dalam kumpulan, dan keperluan situasi latar merujuk masyarakat penutur yang lebih luas yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa.

Konsep Herman tentang penggunaan bahasa dapat menjelaskan pilihan bahasa seseorang penutur dari segi tahap keselesaiannya apabila berinteraksi dengan ahli keluarga, kawan, atau orang yang tidak dikenali. Tahap keselesaian ini dapat diukur dengan menggunakan skala keintiman perpaduan-sosial atau *solidarity-social distance scale* (Holmes, 2008). Skala ini menunjukkan bahawa penggunaan atau pilihan bahasa adalah berdasarkan keintiman hubungan seseorang. Bahasa yang dipilih dan digunakan oleh semua anggota dalam sesebuah kumpulan melambangkan perpaduan kumpulan tersebut. Dalam konteks masyarakat Melayu misalnya, lazimnya bahasa Melayu merupakan pilihan apabila berinteraksi dengan keluarga dan kawan-kawan, manakala bahasa Inggeris pula digunakan dengan orang yang kurang rapat atau berlainan kecenderungan. Konsep Herman penting dalam memahami kehadiran variasi bahasa Melayu yang dituturkan oleh para penutur Melayu.

Pilihan bahasa yang digunakan juga ditentukan oleh sikap tolak ansur penutur dalam komunikasi. Giles (1973) mengemukakan teori akomodasi bahasa untuk menjelaskan pengaruh di sebalik bahasa yang menjadi pilihan dalam situasi komunikasi antara dua pihak. Giles menggunakan istilah persamaan-penyimpangan (*similarity-distraction*) untuk mengkonseptualisasikan cara individu membuat pilihan berdasarkan bagaimana mereka ingin dinilai oleh orang yang diajak berbicara dengan meningkatkan atau mengurangkan perbezaan dalam gaya pertuturan masing-masing. Sekiranya dua orang penutur yang menggunakan dua jenis bahasa yang boleh difahami bertemu dan memulakan interaksi, salah seorang daripada mereka akan cuba menyesuaikan cara sebutan, nuansa ataupun mengikut jenis bahasa penutur yang satu lagi jika penutur itu ingin menambat hati penutur yang diajak berbicara. Perlakuan ini untuk mengurangkan perbezaan dan menyelarikan gaya pertuturan dengan gaya

pihak yang diajak berkomunikasi itu. Bagi mereka yang tidak berminat untuk menarik minat penutur yang diajak berbicara, mereka akan meningkatkan lagi perbezaan dan menyimpang daripada gaya pertuturan mereka (dipetik dari Giles and Powesland, 1975).

Menurut Giles, penutur lazimnya menyelarikan pertuturan mereka kerana inginkan integrasi dan penerimaan. Situasi yang sebaliknya adalah bagi mereka yang ingin mengekalkan identiti dan keunikan budaya mereka. Kajian Labov (1972a) di Martha's Vineyard, iaitu di sebuah pulau di Massachusetts, Boston. Pulau ini sering didatangi pelancong mewah. Beliau mendapati masyarakat di pulau tersebut, yang terdiri daripada para nelayan, sengaja menukar sebutan perkataan tertentu dalam usaha membezakan diri mereka daripada para pelancong tersebut yang dianggap mencemari cara kehidupan dan tradisi mereka. Keadaan ini secara tidak langsung menggalakkan mereka untuk melahirkan sejenis dialek yang tidak standard agar dapat memelihara identiti sosial mereka.

Selain strategi menyesuaikan gaya perbualan seperti yang dilakarkan oleh Giles, penggunaan bahasa juga ditentukan oleh domain. Fishman (1972) mendefinisikan domain berdasarkan konteks sesebuah institusi yang memaparkan perlakuan yang sama atau selari. Beliau menggariskan tiga faktor penting yang menyumbang kepada domain: topik, perkaitan peranan, dan tempat. "Topik" merujuk interaksi lisan secara bersemuka. "Perkaitan peranan" (*role-relation*) merujuk peranan seseorang itu dalam domain tertentu. Topik juga boleh dikembangkan kepada interaksi di sekolah, institusi agama, dan sebagainya. Domain keluarga dianggap yang paling penting dalam pemeliharaan, pengekalan, dan peralihan bahasa. "Tempat" mempunyai implikasi dalam analisis situasi kerana setiap tempat memerlukan topik komunikasi yang berlainan yang boleh menjejaskan jenis bahasa yang digunakan. Misalnya, penggunaan bahasa di masjid, kedai kopi, sekolah, pejabat, dan rumah tentunya berbeza. Konsep domain penting dalam menerangkan kecenderungan penutur terhadap bahasa tertentu kerana dapat menjelaskan pemupukan penggunaan bahasa yang berjenis-jenis dalam kalangan penutur Melayu yang terdedah kepada persekitaran linguistik yang berlainan.

Analisis domain juga mempunyai hubungan dengan konsep diglosia kerana memberikan satu lagi konsep penting dalam mengenal pasti status bahasa dalam masyarakat. Lazimnya, Bahasa Rendah (R) digunakan dalam domain keluarga, sedangkan Bahasa Tinggi (T) digunakan dalam domain rasmi. Fishman (1980) mengembangkan konsep ini untuk melibatkan hubungan antara bahasa yang digunakan dalam masyarakat. Variasi R

kurang berprestij dan digunakan di rumah dan interaksi tidak rasmi yang lebih tertumpu pada perpaduan, persahabatan, dan keintiman. Variasi T pula dipelajari lewat dalam hidup melalui sosialisasi di sekolah bukan di rumah dan selaras dengan status, budaya tinggi, dan aspirasi untuk mobiliti sosial. Tahap prestij bahasa ini pula dipengaruhi struktur sosial dan budaya (Carranza, 1982) kerana struktur sosial menentukan tanggapan anggota terhadap bahasanya sementara nilai budaya memastikan pengelakan variasi bahasa rendah selagi anggotanya boleh mengasosiasikan diri mereka dengan bahasa tersebut. Ferguson (dipetik dari Fishman, 1972) memperkenalkan istilah “diglosia” untuk menunjukkan hubungan antara dua variasi atau lebih dalam bahasa yang sama yang digunakan dalam sesebuah komuniti berdasarkan peranan yang berbeza.

Konsep bahasa tinggi dan bahasa rendah dan implikasi sosialnya amat berguna untuk memahami kecenderungan bahasa dalam kalangan penutur Melayu dalam domain-domain penggunaannya kerana terdapat juga penutur dwibahasa yang fasih dalam kedua-dua bahasa. Namun demikian, Fishman menganggap, jarang terdapat individu dwibahasa yang boleh menggunakan kedua-dua bahasa dengan fasih kerana setiap bahasa mempunyai fungsi dan penggunaannya yang tersendiri dalam setiap masyarakat. Kajian Fishman, Cooper, dan Ma (1971) terhadap masyarakat Puerto Rico di Bandar New York, misalnya, mendapati bahawa bahasa Sepanyol lebih diutamakan daripada bahasa Inggeris bagi agama, keluarga, dan dalam situasi santai. Keadaan ini menunjukkan bahawa penutur dwibahasa itu lebih fasih dalam penggunaan bahasa Sepanyol yang juga merupakan bahasa budayanya, dan digunakan dalam domain yang lebih luas. Kajian Asmah (2008) terhadap para imigran Melayu di Australia juga mendapati mereka mengutamakan bahasa Melayu dalam mengajar agama kepada generasi muda dan menggunakan bahasa Inggeris untuk tujuan interaksi yang lain.

Konstruksi penggunaan bahasa yang dibincangkan jelas menunjukkan kedinamikan penutur dan situasi menentukan penggunaan bahasa dalam domain tertentu dengan jenis yang sesuai berteraskan sistem sosial sesebuah masyarakat penutur. Sistem sosial ini mempengaruhi perlakuan penutur yang akhirnya melahirkan bentuk dan jenis bahasa yang memperkaya variasi sesebuah bahasa.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan temu bual secara kualitatif. Temu bual yang dijalankan adalah bebas dan tidak berstruktur kerana gaya bebas memberikan peluang terbaik untuk memerhatikan penggunaan bahasa secara spontan, pilihan bahasa, kefasihan berbahasa dan sikap terhadap bahasa, serta reaksi responden terhadap mana-mana isu yang mungkin timbul semasa temu bual sedang berlangsung.

Yin (2011) menjelaskan pendekatan ini memberikan tiga kelebihan. Pertama, hubungan antara pengkaji dan responden tidak dikawal oleh skrip yang disediakan. Sebaliknya, pengkaji boleh mengemukakan soalan berdasarkan persoalan dalam kajiannya yang mudah disesuaikan mengikut konteks dan suasana temu bual. Kedua, temu bual secara kualitatif tidak tegar dan boleh membawa kepada hubungan yang lebih selesa dan mesra. Hal ini amat penting dalam menjana data dengan rasa selamat dan tenang. Malah, Labov and Waletzky (1966) mendapati cara ini akan membuat responden terlalu khusyuk dalam penceritaannya sehinggakan dia dapat mengatasi rasa canggung apabila berbual dengan pengkaji. Ketiga, soalan secara terbuka lebih baik kerana cara ini dapat memberikan kebebasan kepada responden untuk mengekspresikan pandangan dan ideanya berdasarkan apa-apa yang dia ketahui. Tujuan kajian seumpama ini adalah untuk memahami responden berdasarkan apa-apa yang mereka katakan dan bagaimana mereka memberikan makna kepada proses kehidupan, pengalaman, dan pemikiran (Brenner, 2006, dipetik daripada Yin, 2011, p. 135).


Kajian temu bual secara kualitatif ini dilakukan terhadap 1155 responden. Mereka terdiri daripada para belia dari sekolah rendah (202 responden), sekolah menengah (252 responden), maktab rendah (220 responden), Institut Pendidikan Teknikal (236 responden) dan politeknik (245 responden). Para responden mewakili usia yang masih bersekolah, iaitu 6 hingga 24 tahun, dan merupakan lingkungan usia yang dianggap sebagai pembawa obor linguistik minoriti masa depan (Coupland *et al.*, 2005), khususnya mereka yang berusia 15 hingga 16 tahun. Temu bual tersebut melibatkan perbualan secara tidak rasmi yang mendedahkan polar perlakuan bahasa setiap responden. Penelitian ini dilakukan di tempat awam seperti di perkarangan sekolah, pusat membeli-belah, kawasan pameran, seminar, pusat pertukaran bas dan kereta api gerak cepat MRT.

Perbualan dalam temu bual ini dirakamkan dan ditranskripsikan dengan menggunakan pendekatan transkripsi fonemik, iaitu mencatatkan

perbualan secara verbatim dengan menggunakan ortografi standard, serta mencatatkan juga ciri-ciri paralinguistik secara berasingan (Deckert dan Vickers, 2011 p. 183). Dalam pada itu penyesuaian juga perlu dilakukan demi mencapai objektif temu bual dan kajian (Rudnicky dan Sakamoto, 1989, pp. 1-2). Dapatan daripada transkrip ini dibahagikan mengikut jenis bahasa yang digunakan berdasarkan faktor linguistik, sosiolinguistik, dan paralinguistik yang akhirnya membantu pengkaji mengenal pasti jenis bahasa berdasarkan kosa kata yang digunakan, suasana penggunaan, dan kumpulan penutur yang menggunakannya. Dapatan ini sekali gus memberikan gambaran jelas tentang kedudukan penggunaan bahasa dalam kalangan belia.

### ANALISIS DAN DAPATAN

Kajian ini mendapati penggunaan bahasa Melayu di Singapura secara umumnya ialah poliglosia kerana wujud lebih daripada dua jenis bahasa yang berlainan dan juga variasi daripada bahasa yang sama dalam masyarakat penuturnya. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu di sini juga bersifat diglosia kerana wujudnya bahasa yang lebih berprestij daripada yang lain. Umumnya, penutur Melayu Singapura mampu menggunakan bahasa Inggeris Singapura Standard (ISS), bahasa Melayu Singapura Standard (MSS), bahasa Inggeris kolokial atau *Singlish* dan bahasa Melayu kolokial. Kajian ini mengenal pasti empat jenis bahasa Melayu kolokial yang dinamakan M1, M2, M3, dan M4. Dalam hubungan ini, ISS dan MSS merupakan bahasa “tinggi” sementara *Singlish* dan variasi bahasa Melayu kolokial ialah bahasa “rendah”. Rajah 1 memberikan gambaran keseluruhan rangka kerja sosiolinguistik penutur Melayu di Singapura.



**Rajah 1** Situasi penggunaan bahasa Melayu Singapura dan kedudukan bahasa berdasarkan skala keintiman perpaduan-sosial



ISS digunakan dengan meluas kerana merupakan bahasa pertama dan rasmi bagi pemerintah dan segala perkara yang bersangkutan dengan pemerintahan. ISS digunakan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah, media, sektor perkhidmatan dan keperluan bagi mendapatkan pekerjaan. Bahasa ini juga merupakan bahasa penyatu rakyat. MSS pula merupakan bahasa rasmi bagi masyarakat Melayu. Bahasa ini dianggap sebagai variasi prestij kerana lazim digunakan dalam acara rasmi, di parlimen oleh ahli politik Melayu untuk menyampaikan ucapan, di sekolah bagi pembelajaran bahasa dan kegiatan masyarakat Melayu, dan untuk semua media massa Melayu. MSS merupakan bahasa yang memberikan masyarakat Melayu pengiktirafan sosial yang lebih tinggi.

Bahasa Inggeris tidak rasmi atau *Singlish* merupakan jenis bahasa kolokial Inggeris yang paling kerap digunakan di Singapura oleh semua lapisan masyarakat. Bahasa ini menjadi bahasa perekat perpaduan antara etnik kerana terdiri daripada campuran kosa kata Inggeris, Melayu, dialek Cina, dan Tamil. Penggunaan *Singlish* yang paling ketara ialah morfem hujung *lah* bahasa Melayu dalam melengkapkan wacana. Misalnya, dalam gabungan bahasa Inggeris dan Melayu *canlah* (bolehlah) yang sepatutnya *can* sahaja. Begitu juga dengan gabungan bahasa Cina dan Melayu seperti *chin chyelah* yang bermaksud *tidak kisah* atau *apa sahaja pun boleh*. *Singlish* menambah kemesraan bukan hanya dalam kalangan etnik yang berbeza tetapi juga dalam kalangan penutur Melayu sendiri apabila mereka menggunakannya untuk berinteraksi. *Singlish* ialah bahasa Inggeris ala Singapura.

Bahasa Melayu kolokial merupakan jenis yang paling kerap digunakan dalam perbualan tidak rasmi atau suasana yang santai kerana bahasa ini tidak dikawal oleh peraturan tatabahasa dan tatacara perbualan rasmi (Labov, 1972b). Penggunaannya lebih bersifat rapat, intim dan mesra dalam kalangan penuturnya kerana bahasa ini merupakan bahasa yang lazim digunakan di luar situasi rasmi. Dalam erti kata lain penutur Melayu Singapura mampu membezakan bahasa yang perlu digunakan mengikut konteks penggunaannya. Keadaan ini melahirkan beberapa variasi bahasa Melayu kolokial kerana penggunaannya mengikut situasi dan konteks yang berbeza.

Kajian ini mengenal pasti bahasa Melayu jenis M1 sebagai bahasa kolokial campuran Melayu dan Inggeris, penggunaan bahasa Inggeris didapati paling ketara seperti dalam contoh berikut:

### Contoh Bahasa Melayu M1

“Pada pendapat saya, penggunaan bahasa Melayu di Singapura agak, macam, *teenagers are*, macam, tak pakai sangat ah, *like, because* dalam zaman sekarang diorang [mereka] macam, speak *English with their friends. And they rarely talk in Malay with different kinds of people.*”

Bahasa Melayu jenis M2 dikenal pasti sebagai bahasa kolokial yang mempunyai rata-rata elemen bahasa Melayu. Bahasa Inggeris yang digunakan hanya dalam bentuk laras tertentu seperti subjek di sekolah, seperti dalam contoh berikut:

### Contoh Bahasa Melayu M2

“Sukar. Kerana di *secondary school* saya bercakap [bahasa Melayu], saya amik [belajar] *higher Malay* [Bahasa Melayu Tinggi]. Tapi kerana untuk kalau pergi ke JC [Junior College/Maktab Rendah], *higher Malay* cuma boleh dapat [gred] D7, lepas tu dah tak payah ambik [ambil] lagi [bahasa] Melayu. So lepas *secondary school like* macam dah kurang ah belajar Melayu abih so bebual Melayu jugak lah... So Melayu jugak penting tapi, dia punya *usefulness* yang berubah.”

Bahasa Melayu jenis M3 pula memaparkan penggunaan bahasa kolokial yang sepenuhnya Melayu kecuali beberapa jargon atau slanga seperti berikut:.

### Contoh Bahasa Melayu M3

“cam [macam]... yang... kalau... yang *simple*... macam orang keluar kita tanye [tanya] kau nak gi [pergi] maner [mana]? kalau kite [kita] nampak cam [macam] pompuan [perempuan] lawa keper [atau apa pun], kite [kita] cakap, mak die [dia] ni *works* [cantik]... die [dia] tu [itu] *works* [cantik], tu [itu] semua bukan bahasa Melayu yang betul uh kan... macam nak pergi beli barang pun bukan *sentence* [ayat] yang betul uh bagi saye [saya]. Pade [Pada] kite [kita], asalkan faham sudah uh.”


Akhir sekali kajian ini mengenal pasti bahasa Melayu jenis M4 sebagai bahasa kolokial yang sepenuhnya berbahasa Melayu tetapi banyak menggunakan jargon, slanga, sindiran tajam, dan bahasa kesat. Bahasa Melayu jenis M4 Lazimnya diasosiasikan dengan bahasa kelas

sosial bawahan atau bahasa kasar dalam kalangan *delinkuen*. Yang berikut merupakan contoh penggunaannya:

### Contoh Bahasa Melayu M4

“Dah brape [berapa] lame [lama] siol [sial] kau peh [punya] kaki?... Kurang-kurang *at least* [sekurang-kurangnya] enam bulan nyer [punya], *at least* kalau *Alice in wonderland* [seronok dapat cuti panjang] enam bulan uh... Ahaha *Alice in wonderland* keper [ke/apa]? Rabak [Teruk] eh, asal [kenapa] uh?... *Actually* [Sebenarnya] aper [apa] yang jadi sial kau peh [punya] kaki?... MCL die [dia] nyer [punya] tisu koyak, Major *Crucial Ligament* die [dia] koyak... Sikit hari... Am [nama panggilan seorang teman] pun kene [kena] ni [ini] macam pe [apa]... Uhh... Am tu macam yeye [berlagak] je [sahaja] dia pun macam yeye takde [tak ada] die nyer kaki takde pape [apa-apa]... Tapi nie [ini] betul uh, nie [ini] betul die [dia] ade [ada] tunjuk aku die [dia] nyer [punya] x-ray uh... Bukan ape [apa] dia mate [mata] merah je [sahaja] tengok aku dapat MC banyak... Ahaha... siollah. Tapi serius siol tempat kau kalau takde orang stop [hentikan] MC-MC nie [ini] sumer [semua] *company* kau tutup luh [lah] sial nanti... Memang uh [lah] kalau boleh aku pun nak die [dia] tutup uh jadi aku pun dah tak payah kerje [kerja] senang tau... Abeh [habis] hari tu kau *apply* yang eagles [sebuah syarikat/pekerjaan]?”

Kajian ini mendapati bahawa M1 paling kerap digunakan dalam kalangan responden lantas menggambarkan keadaan belia Melayu yang



**Rajah 2** Jenis bahasa yang digunakan oleh responden semasa temu bual berdasarkan jumlah responden dan jenis bahasa.

berkemampuan dwibahasa. Rajah 2 pula menunjukkan jumlah responden yang menggunakan M1, M2, M3, M4 termasuk yang menggunakan BM (bahasa Melayu sahaja) atau BI (bahasa Inggeris sahaja).

Secara keseluruhan, berdasarkan 1155 responden, Rajah 2 menunjukkan situasi temu bual yang dijalankan, bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling dominan digunakan dalam kalangan responden. M1 (BM) yakni yang menggunakan lebih bahasa Melayu menunjukkan jumlah yang paling tinggi, iaitu 309 penutur berbanding dengan yang lain. Secara keseluruhan juga didapati penutur yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya atau BI hanyalah 2% sahaja. Bermakna 98% responden menggunakan bahasa Melayu dalam variasi yang pelbagai, iaitu M1, M2, M3, M4, dan BM.

Dapatan ini boleh diatribut kepada tahap kefasihan dan keselesaan responden menggunakan bahasa Melayu kerana analisis daripada interaksi semasa temu bual menunjukkan bahawa bahasa Melayu kolokial ialah bahasa yang lebih intim dari segi bahasa pilihan dan sosialisasi. Bahasa ini digunakan dengan meluas di rumah, dengan rakan, semasa ibadah, dan juga dengan orang yang tidak dikenali. Bahasa kolokial ini dianggap intim kerana bahasa ini mempunyai bentuk tatabahasanya tersendiri dan nuansa yang difahami dan diterima oleh semua lapisan usia dan latar belakang sosial yang berbeza. Labov (1972b) sendiri melabelkan bahasa kolokial dan vernakular sebagai bahasa santai. Penuturnya bebas bercakap tanpa memantau apa-apa yang mereka tuturkan, dan merupakan gaya tersendiri seseorang penutur.

Dapatan ini juga membantu pengenalpastian jenis bahasa dan cara penggunaannya dengan meletakkannya pada kontinum skala keintiman perpaduan-sosial (KPS) dalam Rajah 1 di atas. Skala ini memaparkan hubungan dalam kalangan responden dan jenis bahasa yang menjadi pilihan. Skala ini juga menunjukkan bahawa bahasa yang dipilih dalam komunikasi itu ditentukan oleh sejauh mana seseorang itu mengenali orang yang diajak berbicara. Bahasa yang lebih intim digunakan kepada orang yang rapat dengannya dan begitulah sebaliknya. Skala ini juga akhirnya menunjukkan tahap perpaduan sesuatu kumpulan penutur.

Rajah 1 menunjukkan empat variasi bahasa tidak rasmi atau kolokial (M1, M2, M3, M4) disusun berdasarkan tahap keintiman dalam kalangan pengguna bahasa. M4 menunjukkan tahap keakraban persahabatan atau kenalan yang sangat rapat. Untuk menggunakan M4 seseorang itu perlu berasa selesa dan mampu menerima elemen linguistik seperti jargon, slanga, sindiran tajam, dan bahasa kesat yang digunakan dalam perbualan.

Maka, M4 diletakkan pada penghujung kontinuum keintiman. Bermakna lebih jauh kedudukan satu-satu variasi bahasa itu daripada aksis keintiman, maka tahap keintiman sesama penutur dalam sesebuah kumpulan itu akan berkurangan. Hal ini menjelaskan mengapa M1 diletakkan paling jauh daripada aksis keintiman bagi bahasa Melayu rendah kerana M1 merupakan bentuk bahasa yang paling lazim digunakan (campuran bahasa Melayu dan Inggeris tanpa unsur jargon, slanga, sindiran tajam, dan bahasa kesat) secara bebas dengan sesiapa sahaja termasuk orang yang tidak dikenali.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa lingo melambangkan keintiman yang lazimnya boleh berlaku dalam kalangan penutur yang rapat atau intim dan mempunyai minat yang sama. Dapatan ini penting kerana berdasarkan pengamatan yang dibuat terhadap para responden daripada rumah bagi kanak-kanak juvenil di Singapura, mereka mampu menggunakan dua jenis variasi bahasa, iaitu M2 dan M4. Mereka menggunakan M2 apabila bercakap dengan para pekerja sosial tetapi menggunakan M4 apabila berbual dengan teman di situ. Hal ini menunjukkan adanya anjakan dari segi keintiman yang mempengaruhi pilihan dan penggunaan bahasa.

Satu lagi pengamatan dalam kalangan para guru pelatih juga menampakkan kedinamikan yang menarik dalam penggunaan variasi bahasa. Para guru ini berusia dalam kalangan 17 hingga 23 tahun. Mereka lazimnya menggunakan bahasa MSS apabila berada di dalam kelas dan semasa berbincang dengan pensyarah ataupun sewaktu membuat pembentangan. Namun demikian, mereka menggunakan M1 atau M2 apabila berbicara sesama mereka mengikut keselesaan masing-masing. Mereka yang sering menggunakan bahasa Inggeris dalam kegiatan harian akan menggunakan M1, manakala mereka yang lebih terdedah kepada bahasa Melayu akan menggunakan M2. Namun demikian, apabila pensyarah tiada di dalam kelas, mereka menggunakan *Singlish* untuk membuat pengumuman. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa pelajar di institusi pengajian tinggi menggunakan variasi bahasa tinggi dan rendah khususnya MSS, ISS, *Singlish*, M1 and M2.

Dapatan daripada skala ini menunjukkan satu lagi bukti tentang tahap kefasihan penutur kerana seseorang itu harus fasih dalam bahasanya untuk menggunakannya mengikut konteks. Rajah 1 menunjukkan bahawa hubungan dalam kalangan penutur variasi bahasa rendah lebih rapat berbanding dengan variasi bahasa tinggi. Hal ini juga menunjukkan bahawa ISS lebih digunakan daripada MSS kerana penggunaan MSS

yang terhad dari segi keluasan domain. Namun demikian, keadaan ini juga menunjukkan pentingnya mempunyai bahasa Melayu tinggi untuk memastikan adanya bahasa yang boleh digunakan dan berperanan sebagai bahasa rasmi memandangkan bentuk kolokial lebih bersifat santai.

Dalam kalangan bahasa rendah, *Singlish* merupakan garis pemisah antara ISS dan bahasa Melayu kolokial. *Singlish* mewakili percantuman situasi bahasa formal dan tidak formal. Hal ini terbukti dengan pengamatan yang dibuat terhadap penggunaan *Singlish* dalam kalangan responden. Malah, *Singlish* juga digunakan dengan meluas oleh bangsa-bangsa lain dan lebih digemari daripada ISS. Maka *Singlish* menjadi garis pemisah yang sangat sesuai.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian yang dilakukan mendapati bahawa bilingualisme umumnya tidak menjejaskan kemampuan penutur Melayu menggunakan bahasa ibunda mereka kerana konsep bilingualisme di Singapura memastikan rakyat Singapura mendapat manfaat daripada kedua-dua bahasa untuk memenuhi keperluan pembangunan negara. Singapura menggunakan *Language Rationalization Model* (Mohamed Aidil, 2013, p. 47), iaitu kedua-dua bahasa dipilih dengan mengetengahkan kelebihan yang terdapat pada kedua-dua bahasa tersebut. Maka bilingualisme di Singapura bersifat fungsional yang memberikan tumpuan terhadap kecekapan penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks yakni bahasa Inggeris bagi perkara yang melibatkan ilmu antarabangsa dan penggunaan bahasa ibunda bagi warisan dan budaya. Dasar pemerintah yang menjadikan bahasa ibunda sebagai subjek wajib di sekolah-sekolah memastikan pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu dapat diteruskan secara sistematik. Walaupun penggunaan bahasa Inggeris di rumah meningkat, perkembangan ini dapat diimbangi dengan penggunaan di sekolah melalui pembelajaran dan kegiatan Melayu di Sekolah. Situasi bahasa Melayu ini juga dikukuhkan dengan kecekapan para belia yang menggunakan bahasa Melayu mengikut konteks dan fleksibiliti untuk bergerak daripada satu jenis bahasa kepada jenis bahasa yang lain dengan mudah.

## KESIMPULAN

Kajian penggunaan bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dalam kalangan belia Melayu di Singapura menunjukkan keberdayaan bahasa Melayu

adalah stabil atau pada tahap pengekalan. Mereka mempunyai satu rangka penggunaan sosiolinguistik yang jelas dan menepati keperluan mereka. Para belia masih mampu menggunakan bahasa Melayu “tinggi” dan “rendah” mengikut konteks. Malah, mereka memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan walaupun mempunyai kemampuan berbahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama Singapura yang mereka pelajari sejak peringkat prasekolah hingga dewasa. Kehadiran empat jenis bahasa kolokial yang lazim digunakan membuktikan bahawa penutur Melayu Singapura lebih selesa dan mesra dengan bahasa Melayu walaupun kemampuan bilingualisme merupakan satu trend yang terus meningkat di Singapura.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, (2008). *The Malays in Australia: Language, culture, and religion*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carranza, M.A. (1982). Attitudinal research on hispanic language varieties. E. B. Ryan & H. Giles (Eds.), *Attitudes towards language variation: Social and applied contexts* (pp. 63-84). London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Coupland, C., Blyton, P. & Bacon, N. (2005). A longitudinal study of the influence of a teamworking initiative on expressions of "us" and "them". *Human Relations*, 58(8), 1055-1081.
- Deckert, S. K., dan Vickers, H. C. (2011). *An introduction to sociolinguistics*. Continuum International Publishing Group: New York: London.
- Fishman, J. A. (1972). *Language in sociocultural change: Essays by Joshua A. Fishman* (Selected and introduced by Anwar S. Dil). Stanford, California: Stanford University Press.
- Fishman, J. A., Cooper, R.L. & Ma, R. (1971). *Bilingualism in the Barrio*. Bloomington, Indiana University Press.
- Fishman, J. A. (1980). Bilingualism and biculturalism as individual and as societal phenomena. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 1 (1), 3–15.
- Giles, H. (1973). Accent mobility: A model and some data. *Anthropological Linguistics*, 15, 87–105.
- Giles, H. & Powesland, P. F. (1975). *Speech style and social evaluation*. London: Academic Press.
- Herman, S. (1961). Explorations in the psychology of language choice. *Human Relations* 14, 149-164.
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics*. Third edition. UK: Longman Pierson.

- Labov, W. (1972a). *Sociolinguistics patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Labov, W. (1972b). *Language in the inner city: Studies in the Black English Vernacular*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Labov, W. & Waletzky, J. (1966). Narrative analysis and oral version of personal experience. In J. Helm (ed.), *Essays on the verbal and visual arts: Proceeding of the 1966 Annual Spring Meeting of the American Ethnological Society* (pp.12-45). Seattle University of Washington Press.
- Mohamed Aidil Subhan bin Mohamed Sulor, (2013). *Bilingualism and its effects on Malay language planning*. (Disertasi Kedoktoran tidak diterbitkan). Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.
- Speech By Mr Ong Ye Kung, Minister For Education, at the launch of Bulan Bahasa 2018 On Saturday, 1 September, At Wisma Geylang Serai, 2018*. Dipetik pada Februari 4, 2019, <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/speech-by-mr-ong-yekung--minister-for-education---at-the-launch-of-bulan-bahasa-2018>
- Rudnicky, A.I. and Sakamoto, M.H. (1989). *Transcription conventions for spoken language research*. (Technical Report CMU-CS-89-194). Carnegie Mellon: University School of Computer Science.
- Veltman, C. (1991). Theory and method in the study of language shift. In J. R. Dow (Ed.), *Language and ethnicity* 145-167. Amsterdam: Benjamins.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative research from start to finish*. The Guilford Press: New York.

Diperoleh (*received*): 28 Februari 2019

Diterima (*accepted*): 6 Mei 2019